

27 SEP 1996

MENARA KL DITUTUP PADA HARI PERASMIAN

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Menara Kuala Lumpur akan ditutup kepada orang ramai pada hari Selasa sebagai persiapan bagi majlis pelancarannya pada sebelah petang hari berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan pelancaran menara komunikasi keempat tertinggi di dunia itu.

Dalam satu kenyataan hari ini, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd menasihatkan orang ramai agar tidak menggunakan Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Chulan dan Jalan P. Ramlee.

Menara KL akan dibuka semula kepada umum pada hari Rabu mulai 10 pagi hingga 10 malam.--BERNAMA

RZS OBA